

## VIRUS ORGANISASI Bahagian 1 / 5



**Dr. Ali Qassem**

[www.aliqasseminternational.com](http://www.aliqasseminternational.com)

Kita, manusia, adalah spesies yang unik dan menakjubkan. Kita adalah berbeza dari yang lain kerana kita mempunyai pemikiran, hati nurani, kemampuan membuat penaaakulan, kemampuan untuk memilih dan berkeupaya untuk membangunkan sesuatu idea serta menyelesaikan idea tersebut bagi mencapai objektif dan matlamat.

Kita manusia dilahirkan dengan empat keupayaan. Mereka adalah *IQ (Intelligence Quotient)*, *BQ (Body Intelligence Quotient)*, *SQ (Spiritual Intelligence Quotient)*, dan *EQ (Emotional Intelligence Quotient)*.

*Spiritual intelligence* – keperluan rasa kepentingan, perhubungan, rasa kasih sayang, pertumbuhan dan sumbangan.  
*Emotional intelligence* wujud dari

kesedaran diri dan orang lain, menentukan siapakah kita dan di mana kita akan berada.

*Emotional intelligence* adalah keupayaan untuk mengenal diri sendiri. Pada masa yang sama ianya juga untuk mengenal dan memahami orang lain, mengetahui bagaimana berkomunikasi dengan orang lain, menghormati orang lain, mendengar, prihatin dan membantu orang lain. Ia juga membantu dalam menunjukkan jenis perlakuan terhadap orang lain, sama ada yang positif atau negatif.

Dalam setiap organisasi, terdapat orang yang mempunyai keupayaan untuk mencapai hasil yang memuaskan lagi menakjubkan secara konsisten dan berulang kali. Terdapat juga yang fokus kepada pencapaian diri dan organisasi, meningkatkan diri secara berterusan, semakin hari semakin bertambah baik, membantu orang lain dan memberikan prestasi yang terbaik. Orang-orang yang begitu mempunyai impak positif kepada orang lain dan dalam kejayaan organisasi.

Di sebaliknya pula, terdapat juga golongan yang tidak melaksanakan tugas mereka seperti yang diharapkan oleh organisasi. Mereka juga tidak mepedulikan atau melakukan apa-apa yang boleh memberikan sumbangan pencapaian organisasi. Oleh itu, saya menggelar golongan ini sebagai virus organisasi.

Golongan orang ini mempunyai impak negatif kepada orang lain dan kejayaan organisasi. Mereka yang menjadi penghalang atau gangguan bagi organisasi mencapai visi dan misi. Golongan ini berkelakuan negatif tanpa

kelakuan mereka terhadap orang lain. Bagi mereka yang mengetahuinya, mereka berasa seronok dan puas berbuat demikian.

Majoriti daripada golongan ini akan menghadapi kesukaran dan masalah sekiranya mereka kehilangan pekerjaan mereka. Mereka akan menyalahkan organisasi sekiranya mereka dibuang kerja. Kemungkinan organisasi berharap mereka akan berubah, tidak mahu menjejaskan masa depan mereka, atau hanya menutup sebelah mata terhadap apa yang dilakukan oleh golongan pekerja ini – dan ini adalah satu kesilapan.

Sikap kerja adalah satu koleksi perasaan, kepercayaan dan pemikiran tentang bagaimana berkelakuan terhadap orang yang ada hubungan dalam pekerjaan mereka.

Virus organisasi lebih mementingkan wang daripada minat diri. Mereka tidak mementingkan atau mempeduli orang lain, inovasi, sumbangan dan tujuan. Mereka lebih memfokuskan kepada menerima daripada memberi dan dilayani daripada memberi layanan.

Virus organisasi mempunyai banyak jenis. Yang malas, pembazir masa, yang sentiasa mengadu, yang sentiasa menangguhkan tugas, yang asyik menyalahkan orang lain, yang suka mengumpat, pentingkan diri sendiri, yang angkuh, yang suka mendesak dan lain-lain lagi. Terdapat lebih kurang 40 perwatakan yang mana saya akan berbicara panjang lebar dalam rencana kali ini.

**BERSAMBUNG**